



قجابت بسر
مجلس دائره تنكق

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06 - 978 1261 / 978 2226
No. Faks : 06 - 978 2670 / 978 5741
Emel : mdtgk@johor.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Ruj. Kami : Bil. () dlm. MDT 13 – 26 /1
Tarikh : 28 Julai 2022/ 28 Zulhijjah 1443H

Kepada,

“Sesiapa yang berkenaan”,

Y. Bhg. Dato’/ Tuan/ Puan,

PERTANDINGAN FLORA MINI GARDEN PERINGKAT DAERAH TANGKAK 2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk,

2. Sukacita dimaklumkan, pihak Majlis Daerah Tangkak akan menganjurkan **Pertandingan Flora Mini Garden Peringkat Daerah Tangkak 2022**. Jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pendidikan, firma-firma swasta dan kediaman dijemput untuk memeriahkan dengan menyertai pertandingan tersebut yang akan berlangsung sepanjang bulan Ogos bermula **1 Ogos sehingga 25 Ogos 2022**.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis menjemput dan mengalu-alukan penyertaan daripada pihak Y. Bhg. Dato’/ Tuan/ Puan dalam pertandingan ini. Pihak Majlis mengharapkan pihak Y. Bhg. Dato’/ Tuan/ Puan dapat menghebahkan/ mempromosikan perkara ini kepada penduduk-penduduk taman dalam Daerah Tangkak.

4. Bersama-sama ini disertakan risalah berkaitan. Borang penyertaan pertandingan perlu dilengkapkan dan dihantar kepada urusetia pertandingan di Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, Majlis Daerah Tangkak sebelum atau pada 25 Ogos 2022. Untuk keterangan lanjut atau sebarang pertanyaan, Y. Bhg. Dato’/ Tuan/ Puan boleh berhubung dengan **En. Mohd Hanafi bin Mohd Lazim** di talian **06-9781261 (ext 253) / 013 631 8766** atau **En. Muhammad Syafiq Bin Mohd Yusoff** di talian **06-978 1261 (ext 251) / 017 621 8341**.

Sekian, terima kasih,

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(EZLAN FARID BIN MOHD SAID)

Yang Di Pertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak, Johor Darul Ta’zim

“BERUSAHA UNTUK MAKMUR”


“TANGKAK BERSIH, SEJAHTERA DAN LESTARI”

BORANG PENYERTAAN

- BANGUNAN KERAJAAN
- KILANG
- RUMAH LOT BERKEMBAR / SEMI-D
- RUMAH SESEBUAH / BANGLO
- RUMAH TERES / LOT TEPI
- KOLEJ / INSTITUSI PENDIDIKAN / LATIHAN
- SEKOLAH MENENGAH/ SEKOLAH MEN. KEB. AGAMA/ SEK. AGAMA
- SEKOLAH KEBANGSAAN/SRJJK (C)/ SRJK (T)

Sila Tandakan di ruangan petak kategori pilihan

*Bagi kategori kediaman, penyertaan adalah terbuka kepada Taman Perumahan dan Pembayar Cukai Taksiran di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak



Nama / Organisasi

Alamat

No. Telefon Rumah/ HP

Tandatangan

HADIAH KESELURUHAN
MENANTI ANDA

RM 14,400.00

HADIAH PERTANDINGAN

JOHAN RM 1,000.00 + Plak + Sijil
NAIB JOHAN RM 500.00 + Plak + Sijil
KETIGA RM 300.00 + Plak + Sijil

* Setiap penyertaan akan mendapat sijil

Tarikh Penyertaan
1 Ogos 2022

Tarikh Tutup Penyertaan
25 Ogos 2022

BORANG INI HENDAKLAH DILENGKAPKAN DAN
DIKEMBALIKAN KEPADA URUSETIA
SEBELUM ATAU PADA 25 OGOS 2022

KEPADA :

URUSETIA PERTANDINGAN
JABATAN PERANCANGAN BANDAR &
LANDSKAP
MAJLIS DAERAH TANGKAK

Hanafi : 013-631 8766

Syafiq : 017-621 8341

Tel : 06 978 1261/ 978 2226

Faks : 06-9782670 / 9785741

SAYA BERSETUJU MENYERTA PERTANDINGAN INI
DENGAN SYARAT- SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN



MAJLIS DAERAH TANGKAK

PERTANDINGAN
Flora Mini Garden
PERINGKAT DAERAH TANGKAK

2022



TUJUAN PROGRAM

Menggalakkan dan menerapkan penghayatan serta penekanan aspek kecantikan dan pengindahan landskap bagi menjadikan Daerah Tangkak sebagai

OBJEKTIF PROGRAM

- Menggalakkan dan menerapkan penghayatan serta penekanan aspek kecantikan dan pengindahan landskap bagi menjadikan Daerah Tangkak sebagai Daerah dalam Taman
- Memupuk kesedaran dan minat kepada individu dan organisasi tentang pentingnya penjagaan alam sekitar
- Mewujudkan rasa kecintaan kepada pengindahan, keceriaan dan kebersihan di kawasan kediaman/organisasi yang dihuni
- Menjadikan Daerah Tangkak sebagai sebuah bandar yang lestari dan menarik

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Landskap lembut - kepelbagaian tanaman termasuk jenis tanaman/ tumbuhan/ kaedah penjagaan, penggunaan baja

Landskap kejur - Struktur binaan seperti air pancut, arca, wakaf, pergola, siar kaki, meja, bangku taman, lampu dan lain-lain

Pemarkahan yang diberikan berasaskan kepada beberapa pewajaran bagi aspek-aspek berikut:

- Rekabentuk/susunan landskap
- Pemeliharaan landskap
- Penyelenggaraan & kebersihan
- Daya usaha tenaga/idea dan inisiatif

Sudut pandangan estetika dan pandangan Visual kawasan landskap

Pertandingan ini terbuka kepada semua individu penduduk/ organisasi dan masyarakat didalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Tangkak

Cadangan lokasi pertandingan adalah dalam halaman atau pintu masuk kawasan kediaman/ organisasi

Jawatankuasa pertandingan akan membuat lawatan bagi tujuan penilaian selepas tamat tempoh penyertaan. Segala keputusan bagi pertandingan ini adalah muktamad.

BORANG SECARA PERCUMA BOLEH DIDAPATI DI PEJABAT MAJLIS DAERAH TANGKAK ATAU BOLEH LAYARI DALAM LAMAN SESAWANG

<http://www.mdktangkak.gov.my>

